

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas 2 Ekonomi Asas terdiri daripada soalan subjektif yang mengandungi dua bahagian:

Bahagian A - Calon dikehendaki menjawab mana-mana tiga daripada lima soalan.
Bahagian B - Calon dikehendaki menjawab satu soalan wajib berbentuk kes/situasi.

Calon diberi masa 2 jam untuk menjawab kedua-dua bahagian. Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan prestasi calon pada tahun ini adalah sederhana baik. Calon boleh mengaplikasi teori ekonomi yang dipelajari di dalam bilik darjah ketika menjawab item-item yang diuji sama ada yang berbentuk analisa bahan grafik, data/jadual, aplikasi pengiraan dan kemahiran berfikir berdasarkan situasi/kes yang dikemukakan. Calon dapat mengingat dan memahami konsep dan istilah ekonomi menyebabkan mereka mampu mengemukakan jawapan yang tepat terutamanya bagi item-item pengetahuan, kefahaman dan aplikasi mudah. Penguasaan konsep, istilah dan laras bahasa ekonomi juga memuaskan. Calon juga dapat menghafal rumus, mengaplikasi dan mentafsirnya menyebabkan mereka mampu menjawab item-item berbentuk pengiraan dan analisa data/rajah. Walau bagaimanapun pencapaian calon dalam menjawab soalan berdasarkan kes/situasi terutamanya Bahagian B adalah kurang memuaskan. Tidak ramai calon yang berjaya mengaplikasi teori ekonomi yang dipelajari dengan tepat dan menghubungkaitkannya dengan bahan rangsangan dalam soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon mampu memahami dan mentafsir tugas soalan dengan tepat. Fakta, huraian dan contoh yang dikemukakan adalah tepat, mencukupi dan lengkap. Penguasaan bahasa adalah baik dan calon tidak mengulangi fakta yang sama. Majoriti calon mampu menjawab empat soalan dengan baik terutamanya bagi soalan 1, 2, 4, dan 6. Namun terdapat juga kesilapan kecil yang dilakukan oleh sebilangan calon seperti tiada titik origin pada keluk dan simbol % ditulis apabila memberi jawapan pekali keanjalan harga permintaan. Hanya sebahagian kecil calon berada dalam kumpulan ini.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Sebahagian jawapan masih betul dan menepati tugas soalan terutamanya bagi soalan 1a, 1c, 2a, 2c, 4a, dan 6d. Calon belum mampu untuk menguasai sepenuhnya soalan beraras sederhana dan tinggi. Calon kurang mampu mengaplikasi atau menghubungkait teori ekonomi yang dipelajari bagi menyelesaikan tugas soalan. Terdapat kecenderungan calon mengulangi fakta yang sama dan huraian yang dikemukakan kurang mantap dan bersifat umum. Penguasaan bahasa dan istilah ekonomi kurang mantap menyebabkan calon gagal mengemukakan jawapan yang baik. Majoriti calon berada dalam kumpulan ini.


Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan calon umum, tidak tepat dan tiada kaitan dengan tugas soal. Calon menjawab berdasarkan apa yang mereka tahu dan bukannya apa yang dikehendaki dalam tugas soal. Calon cenderung mengemukakan fakta berdasarkan pemikiran logik tanpa menggunakan teori/konsep ekonomi yang dipelajari. Fakta dan huraian yang diberi tidak tepat dan tidak mencukupi. Majoriti calon hanya mampu menyenaraikan beberapa fakta tanpa disokong oleh huraian. Penguasaan bahasa dan konsep ekonomi yang lemah menyebabkan calon gagal menjelaskan fakta yang dikemukakan. Sebahagian besar calon berada dalam kumpulan ini.

PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN

Soalan 1(a)

Prestasi calon adalah sangat baik. Calon mampu memperoleh markah penuh kerana calon hanya perlu menyenaraikan empat masalah asas ekonomi. Contoh jawapan calon adalah seperti berikut:




1 (a) Masalah-masalah asas ekonomi ialah apa yang ingin dikeluarkan, untuk siapa barang itu dikeluarkan, berapa banyak barang itu mahu dikeluarkan dan bagaimana barang itu dikeluarkan.

Soalan 1(b)

Keseluruhannya prestasi calon adalah memuaskan. Majoriti calon hanya memperoleh 5 atau 6 markah sahaja daripada 12 markah yang diperuntukkan. Tiada calon yang berjaya memperoleh markah penuh.

Contoh jawapan tidak lengkap bagi penyelesaian masalah "bagaimanakah barang dikeluarkan" adalah seperti berikut:



pakaian tersebut. Masalah asas ekonomi bagaimana ~~baru~~ pakaian hendak dikeluarkan juga belum diselesaikan oleh firma Al kalam. Firma Al kalam boleh membuat keputusan sama ada menggunakan intensif modal atau intensif buruh. Jika intensif modal murah berbanding dengan intensif buruh, maka firma Al kalam akan menggunakan intensif modal untuk mengeluarkan barangannya. Ini adalah untuk menjamin kecekapan pengeluaran, meminimumkan kos pengeluaran dan memaksimumkan keuntungan. Selain itu, masalah asas

Calon-calon mesti menggunakan kedua-dua belah muka.

Calon sepatutnya menambahkan huraian berikut:

Kerajaan campurtangan agar keadilan sosial tidak diabaikan.

Untuk mendapat markah penuh, calon mesti menyatakan tiga masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan iaitu berapakah barang yang dikeluarkan, bagaimanakah barang dikeluarkan dan untuk siapakah barang dikeluarkan serta cara penyelesaiannya dalam sistem ekonomi Islam.

Soalan 1(c)

Pada umumnya prestasi calon adalah baik. Calon berjaya mencadangkan 3 cara menambahkan pendapatan dengan tepat seperti contoh jawapan di bawah:

(c) Cara pemenang kuiz itu boleh menggunakan wang tersebut untuk menambahkan pendapatannya adalah dengan menabung wang tersebut dalam bank atau institusi kewangan. Pulangan wang yang disimpan dalam bank adalah dalam bentuk faedah.

Pemenang kuiz juga boleh menambahkan pendapatannya dengan membuat pelaburan. Pulangan pelaburan adalah dalam bentuk ~~dividen~~ ^{untung}. Cara melabur adalah seperti pembelian aset semasa, pembelian stok atau barang niaga, pembelian barang modal dan melabur dalam sumber manusia.

Pemenang kuiz juga boleh menambahkan pendapatannya dengan membeli unit amanah saham. Pulangannya adalah dalam bentuk dividen. Contohnya, unit Amanah Bumiputera.

Kelemahan yang dilakukan oleh sebahagian calon ialah menyalahgunakan istilah pelaburan. Contohnya, 'melabur di bank' dan 'melabur saham' seperti dalam contoh di bawah:

(c) 3 cara.

i) (melabur) F₂
- Pemenang boleh melabur di mana-mana bank untuk mendapatkan lebih banyak wang.

ii) (membuka perniagaan) F₄
- Dengan modal pemenang dapat membuka perniagaannya untuk menambahkan lagi pendapatannya.

iii) (menjin saham)

Soalan 2(a)

Secara keseluruhannya prestasi calon adalah baik. Calon berupaya menerangkan lima jenis pendapatan individu selain untung untuk memperoleh markah maksimum.

Contoh jawapan calon:

Untung ialah ganjaran yang di peroleh oleh usaha yang sanggup menanggung risiko dan melakukan inovasi. Selain untung, upah juga merupakan pendapatan individu. Upah ialah ganjaran dalam bentuk wang kepada buruh yang memberikan sumbangan mental atau fizikal. Kedua, sewa. Sewa ialah ganjaran kepada pemilik tanah kerana sanggup menyerahkan penggunaan tanah kepada orang lain. Ketiga, faedah. Faedah ialah ganjaran kepada pemilik wang kerana sanggup menanggung penggunaan wangnya dan digunakan untuk menabung. Keempat, dividen. Dividen ialah ganjaran yang diterima oleh setiap pemegang saham dalam sesebuah syarikat. Akhir sekali, bayaran pindahan. Bayaran pindahan ialah pendapatan yang diterima oleh orang yang tidak menyumbangkan apa-apa.

Kelemahan calon ialah hanya memberi fakta tanpa huraian, gagal mengemukakan fakta dividen dan huraian, mengulangi fakta untung, menyatakan bonus, elaun, komisen dan kerja lebih masa sebagai jenis pendapatan individu. Kesilapan lain yang dilakukan oleh segelintir calon ialah menerangkan pendapatan boleh guna, pendapatan boleh cukai dan pendapatan benar.

Soalan 2b(i)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah memuaskan. Calon mampu memberikan maksud atau rumus pendapatan boleh guna untuk melayakkan mereka mendapat 1 daripada 2 markah yang diperuntukkan.

Contoh jawapan calon:

i) pendapatan boleh guna.
Pendapatan boleh guna ialah pendapatan yang boleh dibelanjakan setelah ditolak potongan wajib daripada pendapatan individu. Potongan wajib yang dimaksudkan ialah KWSP, cukai, PERKESO dan bayaran zakat. Pendapatan boleh guna juga boleh dijadikan tabung untuk kegunaan kecemasan. Pendapatan boleh guna boleh dirumuskan seperti berikut:

$$\text{Pendapatan boleh guna} = \text{Pendapatan individu} - \text{potongan wajib.}$$

Kelemahan yang sering dilakukan oleh calon ialah memberi contoh potongan wajib yang salah. Contohnya menyenaraikan premium insurans nyawa sebagai salah satu potongan wajib.

Calon sepatutnya memberikan maksud dan rumus pendapatan boleh guna serta contoh empat contoh potongan wajib.

Soalan 2b(ii)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah memuaskan. Calon mampu memberikan maksud atau rumus pendapatan boleh cukai untuk melayakkan mereka mendapat 1 daripada 2 markah yang diperuntukkan.

Contoh jawapan calon:

ii) Pendapatan boleh cukai merupakan ^{jumlah} pendapatan tahunan yang telah dipotong dengan pelbagai jenis pelepasan cukai seperti pelepasan cukai untuk premium insurans dan sebagainya.

Kelemahan yang sering dilakukan oleh calon ialah memberi contoh pelepasan cukai yang salah. Contohnya menyenaraikan zakat dan cukai pendapatan sebagai salah satu pelepasan cukai.

Calon sepatutnya memberikan maksud dan rumus pendapatan boleh cukai serta contoh pelepasan cukai.

Soalan 2b(iii)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah kurang memuaskan. Kebanyakan calon gagal memperoleh sebarang markah. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang hanya memperoleh 1 markah seperti contoh berikut:

iii) Upah benar merupakan kuantiti barang yang dapat diperoleh dengan upah wang. Contohnya upah wang sebanyak RM100 dapat membeli 5 kampak beras.

Kelemahan yang sering dilakukan oleh calon ialah gagal memberi istilah harga purata barang tetapi hanya harga barang atau harga umum bagi rumus upah benar. Kesilapan lain ialah memberikan maksud upah benar sebagai 'upah yang diperolehi dalam bentuk barang' dan 'wang yang boleh digunakan untuk membeli barang'. Calon sepatutnya memberikan maksud dan rumus upah benar dengan tepat.

Soalan 2(c)

Prestasi calon adalah baik. Ramai calon dapat menerangkan lima atau lebih daripada lima faktor yang menyebabkan Cik Aina memilih kerjaya sebagai guru tadika dan mampu mendapat markah penuh.

Contoh jawapan calon:

Cik Aina memilih kerjaya sebagai guru tadika adalah kerana kelayakan akademik. Beliau bertelavakan tinggi yang membolehkan beliau menjawat jawatan sebagai guru tadika.

Selain itu, pengminat juga mempengaruhi pemilihan pekerjaan. Cik Aina lebih meminati kerjaya sebagai guru tadika daripada peguam.

Seterusnya, upah yang diperolehi. Cik Aina memperoleh upah yang tinggi sebagai guru tadika.

Faktor lain yang mempengaruhi ialah faedah sampingan. Faedah sampingan yang diperolehi seperti rawatan perubatan percuma, dan sebagainya.

Keempat, pengaruh rakan, keluarga, dan guru telah mempengaruhi pemilihan pekerjaan.

Kelima, jarak dan kos menyebabkan Cik Aina memilih kerjaya tersebut. Kemungkinan jarak diantara rumah dengan tadika adalah dekat. Oleh itu, Cik Aina boleh menjimatkan kos.

Keenam, keadaan tempat kerja yang memuaskan. Tempat kerja beliau adalah tempat tertutup, berhawa dingin, dan di kelilingi oleh bukit-bukit.

Kelemahan yang dilakukan ialah mengulang fakta dalam soalan iaitu kelayakan akademik. Terdapat juga calon yang menganggap umur dan jantina sebagai salah satu fakta. Kesilapan lain yang dilakukan oleh calon ialah dapat memberi fakta dengan tepat tetapi huraian umum dan tidak dikaitkan dengan situasi kerjaya guru tadika.

Soalan 3(a)

Umumnya prestasi calon adalah kurang memuaskan. Majoriti calon dapat menjelaskan perubahan dalam kuantiti diminta adalah disebabkan 'apabila harga barang itu naik/turun, kuantiti diminta akan berkurang/bertambah' untuk melayakkan mereka mendapat 1 daripada 4 markah yang diperuntukkan.

Contoh jawapan calon:

3.(a)	Perubahan dalam kuantiti diminta bagi barang x bermaksud perubahan kuantiti diminta bagi barang x akibat perubahan harga barang itu sendiri. Apabila harga barang x meningkat, per kuantiti diminta bagi barang x akan menurun. Apabila ber harga barang x menurun, kuantiti diminta bagi barang x akan meningkat. Maka, ketuk per perubahan berlaku di atas + sepanjang keluk permintaan.
-------	---

Kelemahan calon ialah gagal membezakan perubahan dalam kuantiti diminta dengan perubahan dalam permintaan. Calon tidak dapat menyatakan 'perubahan dalam kuantiti diminta merupakan pergerakan di atas keluk permintaan yang sama' dan tidak menggunakan tingkat harga dan kuantiti yang diberi dalam rajah untuk menjelaskan hubungan kedua-duanya.

9)	Perubahan dlm kuantiti yang diminta bagi barang itu ialah perubahan dalam harga barang itu ^{itu sendiri} . Harga asal barang x ialah P_0 dan telah menurun kepada P_1 . Kuantiti barang x pula meningkat daripada Q_0 kepada Q_1 . Ini menunjukkan apabila harga barang x jatuh, kuantiti yang diminta barang x meningkat. Hubungan yang negatif. Perubahan ini berlaku kerana perubahan harga barang x sahaja. Oleh itu pergerakan yang berlaku di sepanjang itu keluk permintaan barang x tidak ^{tidak} melibatkan itu peralihan keluk permintaan. itu Harga barang x akan berubah begitu juga dengan kuantiti diminta barang x. /TR
----	--

Pada contoh jawapan calon di atas, calon sepatutnya menghuraikan perubahan dalam kuantiti diminta disebabkan oleh pergerakan di atas keluk permintaan yang sama iaitu disebabkan oleh perubahan harga barang X. Terangkan perubahan tersebut menggunakan tingkat harga dan kuantiti yang diberi dalam Rajah 2 serta jelaskan hubungan keduanya.

Soalan 3b(i)

Prestasi calon secara keseluruhannya adalah baik. Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan tepat 'permintaan perabot tempatan meningkat' dan sebahagiannya menjawab 'permintaan perabot berubah daripada 30 ribu unit kepada 40 ribu unit'.

Contoh jawapan calon:

(b) i) Perubahan keluk $D_0 D_0$ ke $D_1 D_1$ menunjukkan bahawa kuantiti permintaan terhadap perabot meningkat daripada 30 ribu unit ke 40 ribu unit.

Kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah memberi jawapan keluk permintaan beralih ke kanan.

Soalan 3b(ii)

Prestasi calon secara keseluruhannya adalah memuaskan. Calon dapat menerangkan empat faktor yang menyebabkan berlaku permintaan perabot tempatan bertambah.

Contoh jawapan calon:

i) Antara sebab berlakunya perubahan permintaan itu adalah disebabkan oleh pendapatan individu yang telah bertambah. Ini dikatakan kerana apabila pendapatan benar individu meningkat, maka kuasa beli individu akan meningkat dan oleh yang demikian permintaan terhadap ^{perabot} tempatan juga meningkat. Selain faktor pendapatan, faktor cita rasa juga mempengaruhi perubahan permintaan tersebut. Ini dikatakan kerana mungkin ada rasa pengguna terhadap perabot tempatan telah meningkat setelah pengiklanan yang telah dibuat oleh pengusaha tempatan. Di samping itu pula, faktor faktor barang pengganti juga merupakan sebab perubahan keluk permintaan tersebut. Ini dikatakan kerana mungkin harga bagi perabot yang diimport adalah jauh lebih mahal daripada perabot tempatan dan oleh yang demikian, kuantiti perabot tempatan yang diminta telah meningkat. Setemunya pula ialah faktor jangkaan harga pada masa hadapan. Ini dikatakan kerana ada kemungkinan bahawa harga perabot pada masa depan

akan meningkat, oleh yang demikian pengguna akan lebih banyak membeli perabot pada masa ini untuk mengelakkan kenaikan harga pada masa depan. Selain itu, faktor dasar kerajaan juga mempengaruhi perubahan kecek permintaan tersebut. Ini dikatakan kerana mungkin kerana kerajaan telah menggalakan rakyat untuk membeli barangan buatan Malaysia melalui kempenya. Oleh itu, ramai pengguna telah membeli perabot tempatan.

Kelemahan calon ialah menerangkan faktor 'harga barang itu' dan 'harga barang penggenap' sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi perubahan permintaan perabot tempatan. Terdapat juga calon yang menerangkan jawapan dalam dua situasi iaitu permintaan bertambah dan permintaan berkurang seperti contoh di bawah:

Kelima, jangkaan harga pada masa depan hadapan mempengaruhi permintaan individu. Jika harga di jangka naik pada tahun hadapan, maka pengguna akan membeli perabot pada tahun ini. Jika perkara sebaliknya berlaku pengguna akan mengurangkan permintaan. Oleh itu, perubahan permintaan terhadap perabot pada tahun 2003 meningkat.

Soalan 3c(i)

Umumnya prestasi calon adalah baik. Calon dapat menghitung nilai keanjalan harga permintaan dengan tepat.

Contoh jawapan calon:

c). (i).	Barang K,
	$E_d = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P}$
	$= \frac{45}{30}$
	$= 1.5$
	Barang M,
	$E_d = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P}$

$$= \frac{15}{15}$$

$$= 1$$

Barang N,

$$E_d = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P}$$

$$= \frac{20}{40}$$

$$= 0.5$$

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah menggunakan rumus yang salah/terbalik antara % perubahan harga dengan % perubahan kuantiti dan memberi nilai pekali dalam %. Contohnya bagi Barang K = 1.5% sepatutnya 1.5

Soalan 3c(ii)

Prestasi calon adalah tidak memuaskan. Calon gagal menerangkan strategi yang boleh diambil untuk memaksimumkan keuntungan setiap barang. Calon cenderung memberi jawapan secara umum tanpa mengaitkan strategi dengan kesan kenaikan atau penurunan harga terhadap perubahan kuantiti. Sebahagian calon hanya mampu menyatakan jenis keanjalan harga permintaan bagi setiap barang.

Contoh jawapan yang tidak tepat ialah seperti berikut:

ii) Bagi barang K, perubahan harga sebanyak 30% menyebabkan perubahan kuantiti diminta sebanyak 45% ...

Calon sepatutnya menerangkan strategi harga bagi barang K ialah penurunan harga (bukan perubahan harga) sebanyak 30% menyebabkan kuantiti diminta meningkat (bukan perubahan kuantiti) sebanyak 45%.

Soalan 4(a)

Pada keseluruhannya prestasi calon adalah sangat baik. Majoriti calon dapat menyenaraikan lima ciri wang yang baik dan mendapat markah penuh seperti contoh di sebelah:

4a) Ciri wang yang baik ialah tahan lama, diterima
~~Tahan lama~~ umum, ^{memenuhi} kestabilan nilai, penawaran
terhad dan mudah dibawa.

Kesilapan yang sering dilakukan ialah memberi huraian yang panjang lebar sedangkan kehendak soalan hanya 'nyatakan'.

Soalan 4(b)

Prestasi calon adalah memuaskan. Calon dapat menerangkan satu atau dua daripada tiga sebab kerajaan membuat pinjaman dalam negeri dan pinjaman luar negara.

Contoh jawapan calon:

b) Kerajaan membuat pinjaman kerana:

- 1) Menampung kekurangan hasil kerajaan
Kerajaan membuat pinjaman untuk menampung kekurangan hasil kerajaan apabila jumlah perbelanjaan kerajaan melebihi jumlah hasil kerajaan.
- 2) Membiayai pembangunan ekonomi
Kerajaan membuat pinjaman untuk menampung perbelanjaan pembangunan negara. Pembangunan ekonomi akan meningkatkan taraf hidup rakyat.
- 3) Membiayai kelewatan kutipan hasil cukai
Kerajaan membuat pinjaman jika hasil cukai kerajaan lewat dikutip untuk menampung perbelanjaan semasa kerajaan iaitu perbelanjaan mengurus.

Kelemahan calon ialah memberi contoh umum untuk huraian perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus. Terdapat juga calon yang menyatakan tujuan pinjaman untuk mengeratkan hubungan antara negara dan menjamin kestabilan nilai mata wang RM.

Soalan 4(c)

Prestasi calon adalah memuaskan. Calon dapat menerangkan tiga jenis pinjaman dari sumber dalam negeri.

Contoh jawapan calon:

c)	3 jenis pinjaman dalam negeri ialah:
	1) Sekuriti kerajaan (Surat jaminan kerajaan)
	Sekuriti kerajaan merupakan pinjaman jangka panjang iaitu mempunyai jangka masa matang melebihi setahun.
	2) Bil Perbendaharaan
	Bil perbendaharaan merupakan pinjaman jangka pendek iaitu mempunyai jangka masa matang kurang setahun.
	3) Sijil Pelaburan
	Sijil pelaburan merupakan pinjaman jangka panjang yang dijual kepada institusi kewangan Islam.

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah menggunakan istilah yang tidak tepat seperti sijil jaminan kerajaan, surat perbendaharaan dan surat pelaburan.

Soalan 4(d)

Prestasi calon adalah kurang memuaskan. Kebanyakan calon hanya dapat menghitung jumlah pendapatan tahunan Encik Irfan, pelepasan diri, isteri dan tiga orang anak.

Contoh jawapan calon:

d)	Pendapatan :	
	Gaji	$RM 2500 \times 12 = RM 30000$
	Faedah daripada simpanan tetap	$RM 120 \times 12 = RM 1440$
	Sewa diterima	$RM 380 \times 12 = RM 4560$
	Jumlah pendapatan tahunan	RM 36000

Tolak Pelepasan cukai :		
Diri Sendiri	= RM 8000	
Isteri	= RM 5000	
Anak	RM 800 X 3 = RM 2400	
Caruman KWSP	RM 225 X 12 = RM 2700	
Premium Insurans Nyawa	RM 150 X 12 = RM 1800	
Jumlah Pelepasan cukai		RM 19900
Pendapatan Boleh cukai		<u>RM 16100</u>
Kadar cukai atas :		
RM 2500 pertama	= RM 2500 X 0%	= RM 0
RM 2500 berikutnya	= RM 2500 X 1%	= RM 25
RM 5000 berikutnya	= RM 5000 X 3%	= RM 150
Baki RM 6100 berikutnya	= RM 6100 X 5%	= RM 305
		RM 480
Tolak :		
Zakat	= RM 30 X 12	= RM 360
Jumlah Cukai Pendapatan		<u>RM 120</u>

Kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah pengiraan secara bulanan, memasukkan potongan wajib dan perbelanjaan yang diberi dalam stimulus, mengambil jumlah maksimum pelepasan cukai untuk KWSP dan premium insurans nyawa dan tidak menolak zakat daripada jumlah cukai pendapatan setahun.


Calon sepatutnya menghitung jumlah pendapatan setahun, ditolak semua pelepasan cukai untuk memperoleh pendapatan bercukai, mengira cukai yang dikenakan berdasarkan jadual yang diberi untuk mendapatkan jumlah cukai pendapatan setahun, ditolak zakat dan memperoleh jumlah cukai yang perlu dibayar.

Soalan 5a(i)


Secara keseluruhannya prestasi calon memuaskan. Sebahagian besar calon dapat melukis dan melabel paksi harga dan kuantiti mengikut skala yang diberikan dalam soalan dan ada titik origin untuk melayakkan mereka memperoleh 2 daripada 5 markah yang diperuntukkan.

Kelemahan calon ialah tidak dapat plot 4 titik yang membentuk keluk penawaran pasaran. Terdapat calon yang melukis semula kedua-dua keluk penawaran Firma A dan Firma B pada satu rajah yang sama menggunakan skala seperti dalam stimulus bukan skala yang diberi dalam soalan.

Contoh jawapan calon:



Calon sepatutnya melukis dan melabel dengan lengkap dan tepat keluk penawaran pasaran menggunakan skala yang diberi dan menunjukkan 4 titik yang di plot dengan jelas seperti contoh berikut:



Soalan 5a(ii)

Prestasi calon agak memuaskan. Calon dapat menerangkan empat titik yang di plot.

Contoh jawapan calon:

No. 5
a) ii. Keluk penawaran ini berhubungan langsung antara harga dan kuantiti ditawarkan. Keluk ini bergerak dari kiri ke kanan dan mencerun ke atas.
Pada tingkat harga RM 20, kuantiti ditawarkan ialah 6 unit. Ini ditunjukkan titik W.
Pada tingkat harga RM 30, kuantiti ditawarkan ialah 10 unit. Ini ditunjukkan titik X.
Pada tingkat harga RM 40, kuantiti ditawarkan ialah 14 unit. Ini ditunjukkan titik Y.
Pada tingkat harga RM 50, kuantiti ditawarkan ialah 20 unit. Ini ditunjukkan titik Z.
Keluk penawaran pasaran ini boleh didapati dgn menyambungkan titik W, X, Y dan Z.

Kelemahan calon ialah menerangkan penawaran Firma A dan Firma B pada setiap tingkat harga. Calon juga cenderung menerangkan sifat keluk penawaran yang bercerun positif.

Contoh jawapan calon:

5.(a)(ii)	Keluk penawaran pasaran merupakan keluk yang menunjukkan jumlah penawaran oleh firma dalam pasaran pada suatu tingkat harga dan sesuatu tempoh tertentu. Pada tingkat harga RM, keluk penawaran di pasaran didapatkan dengan merumpitkan penawaran dalam keluk penawaran individu firma A dan firma B pada sesuatu tingkat harga yang sama. Pada tingkat harga RM 20, penawaran firma A ialah 2 unit dan penawaran firma B ialah 4 unit.
	Pada tingkat harga RM 30, penawaran firma A ialah 4 unit dan penawaran firma B ialah 6 unit.

	<p>Tingkat harga RM 40, penawaran firma A ialah 6 unit. dan penawaran firma B ialah 8 unit.</p>
	<p>Tingkat harga RM 50, penawaran firma A ialah 10 unit dan penawaran firma B ialah 10 unit.</p>

Calon sepatutnya menerangkan cara mendapatkan penawaran pasaran bagi Firma A dan Firma B secara keseluruhan dan pada setiap titik yang telah di plot.

Soalan 5(b)

Pada umumnya prestasi calon kurang memuaskan. Majoriti calon hanya dapat menerangkan keadaan lebih permintaan pada W dan lebih penawaran pada V. Tiada calon yang berjaya menyatakan keadaan di V dan W ialah ketidakseimbangan pasaran. Kesilapan calon ialah hanya menyatakan kuantiti permintaan dan penawaran buruh pada V dan W tetapi tidak menyatakan kuantiti lebihan. Terdapat juga calon yang menyatakan harga akan jatuh atau naik bukan upah. Sebahagian calon menggunakan frasa 'firma akan menurunkan/menaikkan upah'.

Calon sepatutnya menerangkan keadaan pasaran buruh pada V dan W secara berasingan, nyatakan kuantiti lebihan permintaan dan lebihan penawaran serta kesannya ke atas pasaran buruh.


Contoh jawapan calon:

(b)	<p>Keadaan pasaran buruh di V ialah keadaan penawaran buruh melebihi permintaan buruh. Lebihan penawaran buruh sebanyak 60 orang berlaku. Maka, upah buruh akan menurun. Pada tingkat harga RM 1,000, penawaran buruh ialah 80 orang manakala permintaan buruh ialah 20 orang. Lebihan penawaran buruh sebanyak 60 orang berlaku. Maka, upah buruh akan menurun.</p> <p>Keadaan pasaran di W ialah keadaan lebihan permintaan buruh melebihi penawaran buruh. Pada tingkat harga RM 600, penawaran buruh ialah 30 orang manakala permintaan buruh ialah 70 orang. Lebihan permintaan buruh sebanyak 40 orang berlaku. Maka, upah buruh akan meningkat.</p>
-----	--

Soalan 5(c)

Pada umumnya prestasi calon kurang memuaskan. Kebanyakan calon hanya mampu melabel Encik Abdullah sebagai isi rumah dan Syarikat Jaya sebagai firma.

Contoh jawapan calon:



Kelemahan calon ialah hanya melukis rajah aliran pusingan yang umum. Terdapat juga calon yang melukis arah Aliran Fizikal dan Aliran Wang yang salah.

Calon sepatutnya melukis rajah aliran pusingan yang lengkap berdasarkan stimulus yang diberi.

Soalan 6(a)

Secara keseluruhannya prestasi calon tidak memuaskan. Hanya sebahagian kecil calon dapat menyatakan jenis keanjalan harga permintaan hasil kajian syarikat tersebut seperti contoh di bawah:

(a)	keanjalan harga permintaan adalah anjal kerana nilai peraki
	keanjalan harga permintaan kereta melebihi 1 iaitu sebanyak 1.5.

Kelemahan calon ialah tidak dapat mentafsir nilai keanjalan harga permintaan yang diberi.

Calon sepatutnya menyatakan jenis keanjalan harga permintaan kereta ialah anjal iaitu apabila harga kereta turun 1%, kuantiti kereta yang diminta akan meningkat 1.5%.

Soalan 6b(i)

Pada umumnya prestasi calon adalah baik. Majoriti calon dapat menghitung nilai w, x dan y dengan tepat.

Contoh jawapan calon:

b) i) Jumlah keluaran (W) = Keluaran Purata \times Buruh
$= 15.6 \times 500$
$= (7800 \text{ unit})$
ii) Keluaran purata (x) = $\frac{\text{Jumlah keluaran}}{\text{Buruh}}$
$= \frac{10300}{700}$
$= (14.71 \#)$
iii) Keluaran sut (y) = $\frac{\text{Perubahan dlm jumlah keluaran}}{\text{Perubahan buruh}}$
$= \frac{1400}{100}$
$= (14 \#)$

Kelemahan calon ialah tidak dapat menghafal rumus keluaran purata dan keluaran sut.